

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENGAWAL KESELAMATAN**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA**  
**GRED JAWATAN/GAJI : KP11, KP14, KP16, KP18**  
**TARIKH KUAT KUASA : 1 JULAI 2016**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00); atau  
(ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00).
- dan (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
  - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan 1(c)(i) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred KP11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

<b>TEMPOH PERCUBAAN</b>	4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
<b>LATIHAN</b>	5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
<b>PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN</b>	6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
<b>PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN</b>	7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) memenuhi tempoh percubaan;</li> <li>(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan</li> <li>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</li> </ul>
<b>PERGERAKAN GAJI TAHUNAN</b>	8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
<b>KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI</b>	9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
<b>KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP14</b>	10. Pengawal Keselamatan Gred KP11 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP14 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) disahkan dalam perkhidmatan;</li> <li>(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;</li> <li>(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan</li> <li>(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</li> </ul>
<b>KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP16</b>	11. Pengawal Keselamatan Gred KP14 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP16 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;</li> <li>(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan</li> <li>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</li> </ul>
<b>KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP18</b>	12. Pengawal Keselamatan Gred KP16 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP18 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;</li> <li>(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan</li> <li>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</li> </ul>
<b>PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP19</b>	13. Pengawal Keselamatan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Keselamatan Gred KP19 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pengawal Keselamatan yang berkuat kuasa pada 1.11.2013 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 35 Tahun 2013).